

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah SST produk petroleum yang perlu dibayar kepada Sarawak untuk tahun 2020. Bilakah PETRONAS akan membuat pembayaran.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cukai jualan ke atas produk petroleum atau dikenali sebagai *State Sales Tax (SST)* berjumlah RM2.9 bilion telah dibayar oleh pihak PETRONAS kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak pada 15 September 2020 untuk tempoh perakaunan 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019.

2. Cukai jualan bagi tempoh perakaunan 2020, 2021 dan 2022 akan ditentukan dan dibayar berdasarkan penilaian oleh Pengawal Selia Cukai Jualan Negeri Sarawak (*Sarawak Comptroller of State Sales Tax*) mengikut ketetapan yang diperuntukkan di dalam Ordinan Cukai Jualan Negeri 1998.

Sekian, terima kasih.